

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sasar 6 peratus komersial harta intelek	Harian Metro
2.	Gempa bumi tidak jejas aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir	BERNAMA
3.	Suhu sejuk di Kuala Krai kini fenomena tahunan – Meteorologi Kelantan	BERNAMA
4.	Angin kuat di Lembah Klang fenomena biasa	BERNAMA
5.	Personal health data theft scary	The Star

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 41
TARIKH: 26 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)

Sasar 6 peratus komersial harta intelek

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia menyasarkan enam peratus daripada jumlah harta intelek dihasilkan oleh universiti tempatan menjelang 2020 berbanding lima peratus ketika ini bersandarkan kepada aktiviti pemasaran dan galakkan inovasi dalam kalangan pemain industri.

Sasaran itu, sejajar dengan matlamat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) untuk mengkomersialkan 360 harta intelek dari universiti tempatan menjelang 2020 dan ketika ini lebih 60 produk yang berjaya dipasarkan setiap tahun.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof Dr Asma Ismail berkata, terdapat beribu harta intelek dihasilkan oleh universiti tempatan setahun tetapi potensi untuk mengkomersialkan daripada jumlah harta intelek yang dihasilkan itu masih sukar untuk dilaksanakan berikutan terdapat beberapa faktor antaranya pemasaran, permintaan pemain industri dan modal.

Beliau berkata, peratusan Malaysia untuk mengkomersialkan produk inovasi ketika ini adalah pada paras sederhana dengan catatan lima peratus berbanding 10

peratus di kalangan negara maju.

"Lima tahun lalu, kita mencatatkan hanya dua peratus harta intelek yang boleh dikomersialkan dan peningkatan pada lima peratus ketika ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan apabila ekosistem pasaran inovasi tempatan semakin berkembang.

"Untuk mengkomersialkan harta intelek yang dihasilkan dilihat mencabar kerana contohnya daripada 1,000 harta intelek yang dihasilkan oleh universiti hanya 100 yang boleh dikomersialkan dan daripada 100 itu hanya satu saja yang berupaya menjana keuntungan besar kepada pemain industri," katanya selepas majlis perasmian platform pameran harta intelek atas talian, Paternmall.Asia, semalam.

Pada majlis itu, Asma turut menyaksikan dua acara menandatangani memorandum persefahaman antara Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Teknologi Maju (ITMA), Universiti Putra Malaysia bersama Paternmall Sdn Bhd (Paternmall) yang mana kedua-dua institusi pengajian tinggi itu akan bekerjasama dengan Paternmall memperkenalkan produk mereka di dalam Paternmall.Asia.



Gempa Bumi Tidak Jejas Aktiviti Pelancongan Di Tasik Kenyir



Empangan Stesen Hidroelektrik Sultan Mahmud, Tasik Kenyir kelihatan tidak terjejas ekoran gempa bumi lemah berukuran 2.7 pada skala richter dirasai pada jam 9.25 malam pada Selasa

HULU TERENGGANU (Bernama) -- Kejadian gempa bumi lemah di Tasik Kenyir di sini malam Selasa lepas, tidak menjelaskan aktiviti pelancongan di tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara itu.

Tinjauan Bernama di sekitar kawasan Pengkalan Gawi mendapati aktiviti pelancongan dan perniagaan berjalan seperti biasa, malah pelancong tetap datang melawat ke pulau-pulau sekitar tasik berkenaan.

Pengerusi Persatuan Pelancongan Tasik Kenyir, Mohamad Raffee Abdul Wahab berkata pihaknya bersyukur kerana kejadian itu tidak menjelaskan kegiatan pelancongan yang menjadi sumber pendapatan penduduk setempat.

"Alhamdulillah, aktiviti membawa pelancong melibatkan kesemua 27 bot laju dan lebih 40 rumah bot di bawah persatuan ini masih berjalan seperti biasa sejak semalam dan memang tidak ada yang terjejas.

"Esok (Jumaat) pada kebiasaannya, ramai pengunjung datang ke sini untuk bercuti, dan pelancong yang membuat tempahan rumah bot biasanya akan bermalam di Tasik Kenyir dua atau tiga malam," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Mohamad Raffee berkata orang ramai tidak perlu bimbang untuk datang melancong di tasik berkenaan kerana kejadian gempa bumi itu disahkan oleh **Jabatan Meteorologi Malaysia** tidak akan berulang dalam tempoh terdekat.

"Memang pernah berlaku sebelum ini, dan kalau dilihat tempoh gempa yang berlaku memakan masa agak lama, lebih dari 10 tahun," katanya.

Seorang pengusaha rumah bot, Al Malik Fazli Musa, 42, berkata tempahan rumah botnya tidak terjejas dan perkhidmatan itu berjalan seperti biasa.

"Ada pelancong yang dah tempah rumah bot saya dan mereka akan bermalam di sini bermula esok hingga Ahad...tiada apa yang nak dirisaukan sebab kejadian gempa bumi ini pernah berlaku di sini tetapi hanya gegaran kecil.

"Orang ramai tidak perlu risau nak datang ke sini dan jangan terlalu percaya khabar angin atau perkara diviralkan di media sosial...kami tinggal di sini, kami tahu keadaan di sini dan memang selamat," katanya.

Seorang pembantu kedai makan, Nur Habibah Abdul Halim, 21, pula berkata kedainya tetap beroperasi seperti biasa dan dibuka sejak pagi hingga malam di kawasan berkenaan.

"Semalam, kedai dibuka seperti biasa meskipun tidak ramai pengunjung sebab hari bekerja, dan hari ini nampaknya dah ramai yang datang sebab esok hari cuti mingguan bagi negeri di Pantai Timur (Terengganu dan Kelantan).

"Memang menjadi kebiasaan, hari bekerja pelancong agak kurang dan mereka mula masuk ke Tasik Kenyir pada hari cuti mingguan dan cuti am...kejadian gempa ini tidak menjelaskan apa-apa di sini dan semua peniaga kedai makan dan kedai runcit dibuka seperti biasa," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Dura, Kamarudin Mat Jusoh, bagaimanapun berkata kejadian itu sedikit sebanyak menimbulkan trauma kepada segelintir penduduk kampung yang tidak pernah merasai gegaran tersebut sebelum ini.

"Memang ada penduduk yang takut, tetapi bila **Jabatan Meteorologi Malaysia** memaklumkan kejadian ini tidak akan berlaku dalam masa terdekat, kami rasa lega dan kegiatan orang kampung berjalan seperti hari-hari biasa.

"Kami harap kerajaan dapat menyediakan siren atau alat pengesan gempa bumi supaya penduduk tidak panik jika berlaku lagi kejadian seumpama ini," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia menerusi laman webnya pada Selasa, melaporkan kejadian gempa bumi lemah berukuran 2.7 pada skala Richter berlaku di Tasik Kenyir pada 9.25 malam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Mohd Jidin Shafie berkata aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir tidak terjejas dengan kejadian gempa bumi itu dan kehadiran pelancong berjalan lancar.

"Hasil maklumat dari jabatan dan agensi yang berkaitan mendapati aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir masih selamat dibuka untuk pelancong.

"Pengusaha pelancongan juga meneruskan pakej-pakej percutian seperti biasa, dan kita akan terus memantau sebarang perkembangan di tasik itu. Setakat ini, gempa itu tidak meninggalkan sebarang kesan negatif kepada sektor pelancongan di Terengganu," katanya ketika dihubungi Bernama.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 26 FEBRUARI 2016 (JUMAAT)



Suhu Sejuk Di Kuala Krai Kini Fenomena Tahunan - Meteorologi Kelantan

KOTA BAHARU, 25 Feb (Bernama) -- Cuaca sejuk yang berlaku di jajahan Kuala Krai ketika ini adalah fenomena tahunan biasa berikutan pergerakan angin sejuk monsun timur laut.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Kelantan Maqrum Fadzli Mohd Fahmi berkata berdasarkan rekod jabatan, fenomena berkenaan berlaku sejak 1980 apabila monsun timur laut bertiup antara November dan Februari.

"Suhu terendah yang pernah dicatatkan setakat ini sejak 1980 adalah 16 darjah Celsius pada Feb 2014 manakala suhu terendah tahun ini (setakat hari ini) ialah pada Isnin (22 Feb) dengan catatan suhu, 19 darjah Celsius," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, Khamis.

Akhbar hari ini melaporkan cuaca sejuk yang melanda jajahan Kuala Krai menyebabkan penduduk terpaksa memakai baju sejuk untuk melakukan aktiviti harian terutama pada waktu pagi selain keadaan persekitaran yang berkabus.

Maqrum Fadzli berkata cuaca sejuk antara 19 dan 22 darjah Celsius itu hanya berlaku pada Ahad hingga Selasa lalu dan boleh dirasai pada lewat tengah malam hingga awal pagi, sebelum suhu kembali normal antara 23 dan hingga 25 darjah Celsius semalam.

Beliau berkata pihaknya akan sentiasa melakukan pemantauan dan catatan suhu dari semasa ke semasa.

-- BERNAMA



Angin Kuat Di Lembah Klang Fenomena Biasa

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Keadaan angin agak kencang yang berlaku di kawasan Lembah Klang sejak pagi ini adalah fenomena biasa dan tidak perlu dibimbangkan, kata **Timbalan Ketua Pengarah Iklim dan Cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari.**

Beliau berkata keadaan cuaca di Lembah Klang, malah di seluruh negara juga diramalkan dalam keadaan baik.

"Sebenarnya, bacaan angin tidak kuat. Ini keadaan yang biasa di mana ada angin kuat, malah cuaca juga baik setakat ini," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata angin kencang Timur Laut kini berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak, Labuan dan Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) dan dijangka berterusan sehingga Isnin depan (29 Feb).

Jabatan itu melaporkan cuaca yang sama dijangka berlaku di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Kuching, Palawan dan Labuan dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Katanya, jabatan itu telah mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora dan tiada sebarang kes atau kemalangan dilaporkan berikutan angin kuat setakat ini.

-- BERNAMA

Personal health data theft scary

THE Consumers' Association of Penang (CAP) is distressed by the recent news that a group of hackers had hacked into the systems of both government and private hospitals and stolen the personal health data of tens of thousands of individuals – data which is then sold to pharmaceutical companies through information selling syndicates.

The implications of this cyber theft is terrifying because our Government and various agencies are trying to get everything (banking transactions, filling forms, making complaints, etc.) to go "online", as part of our green initiative. However, there is a big chance we don't really have the security to back this move as made obvious by this incident.

A news report has stated that 10,000 cyber crime cases are reported each year with losses equalling more than RM2.7m; and the crimes largely involve online scams and hacking of computer servers.

This breach in privacy is no laughing matter and must be taken seriously.

Many people may not realise this, but information related directly to them has been obtained against their will and is now being bartered between unscrupulous individuals for profit.

Ultimately, drug companies are at the end of this chain – using this unlawfully obtained information to make more money out of the victims.

Also consider that we cannot be

certain that pharmaceutical companies are the only ones buying this information.

There may be companies in many other sectors that can benefit from possessing this information, for example insurance companies.

This incident should be a clear indication to us that if a group of hackers can overcome the security in both government and private hospitals so easily to steal personal health data, they can also steal some other set of personal data and sell it to the highest bidder ... for instance, banking information.

This could already be happening and it just has not been detected yet.

Despite this, the agencies

responsible for our cyber security have put onus on the public, be it businesses or individuals, to report if they notice their computer servers being tampered with so that they can stop any data theft.

This is obviously not a sufficient way to handle the issue.

By the time anyone realises there is something wrong with their computer servers it's probably already too late...unless the individual is a hacker himself.

In light of this, CAP suggests that:

> Agencies such as Cyber Forensics Intelligence Centre (CyberFIC), CyberSecurity Malaysia (CSM) and the Malaysian Communication and Multimedia Commission (MCMC), need to nip this problem in the bud by track-

ing and stopping the hackers who steal this information;

> The companies, such as the pharmaceutical companies in this case, that buy this information should be charged with having committed a criminal offence by possessing personal data illegally;

> If there is no market for unlawfully obtained personal data then stealing the information becomes redundant; and

> MCMC, CyberFIC and CSM, as the responsible agencies, need to beef-up our cyber security immediately.

S.M. MOHAMED IDRIS
President
Consumers Association of
Penang